

Media Title

- : Kosmo
- : Guru wanita rugi RM236,300 diperdaya 'Datuk Samsul Anwar'
- : 1 November 2023
- : Negara!
- : 9



## Guru wanita rugi RM236,300 diperdaya 'Datuk Samsul Anwar'

**TANJUNG MALIM** – Seorang guru wanita kerugian RM236,300 selepas menjadi mangsa sindiket phone scam oleh individu yang menyamar sebagai pegawai polis dikenali sebagai 'Datuk Samsul Anwar'.

Ketua Polis Perak, Datuk Seri Mohd. Yusri Hassan Basri berkata, penipuan bermula pada 30 Ogos lalu selepas mangsa yang berusia 52 tahun itu menerima panggilan telefon daripada seorang individu yang mendakwa dari sebuah pusat kurier di Melaka.

Katanya, suspek berkenaan mendakwa mangsa ada membuat penghantaran barang yang tidak sampai kepada penerima di mana mengandungi barang salah dan terlarang.


"Mangsa menafikan dakwaan itu dan diminta membuat laporan polis sebelum panggilan telefon disambungkan ke Jabatan Siasatan Jenayah

Komersial Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka.

"Mangsa telah bercakap dengan lelaki dikenali Tuah Ammar dan Datuk Samsul Anwar dan diberitahu bahawa kad mesin juruwang automatik (ATM) CIMB Bank atas nama mangsa telah dijumpai hasil serbuan ke atas penjenayah dikenali Ong Kai Chin.

"Datuk Samsul Anwar juga memberitahu terdapat satu waran tangkap atas nama mangsa selain dituduh menjual kad ATM itu dengan nilai RM20,000 dan menerima komisyen sebanyak RM28,000," katanya di sini semalam.

Menurut beliau, mangsa kemudiannya dihubungi lagi oleh suspek dan diminta membuat beberapa pindahan wang sebelum wanita itu terkejut apabila mendapati kesemua wang berjumlah RM236,300 miliknya telah lesap," katanya.



MANGSA yang berusia 52 tahun diperdaya sindiket selepas didakwa terlibat aktiviti jenayah. – GAMBAR HIASAN